Satu lagi masalah yang dihadapi oleh penduduk di situ ialah mereka terpaksa ke bandar atau ke tempat lain yang berdekatan untuk pergi sembahyang pada hari Jumaat. Beberapa responden lebih berharap agar kampung itu dibina masjid kerana ia telah menampung ramai penghuni dari itu wajar menerima masjid mereka sendiri. Lagi pun ini akan memudahkan mereka pergi bersembahyang kerana lebih dekat dengan rumah.



Gambar 11:

Longkang yang airnya tidak mengalir.

3.3 Pendidikan

a. Taraf Pelajaran Mudi (Kelas Keluaran) dan Iktori

42.13% daripada kelas-kelas yang ditawar adalah kepada sekolah menengah sama ada dari aliran Inggeris juga Melayu. Ada di antara mereka yang sanggup membayar sekolah ini. Sementara itu 13.13% daripada mereka pula hanya menyatakan mereka lulusan Sekolah Melayu. Dalam konteks ini tidak dapat diketahui sama ada mereka daripada kelas menengah atau serendah kelas rendah sahaja. Bolehlah dikatakan 40% daripada mereka hanya tamat darjah rendah ialah hingga tamat darjah 4 sahaja.

Gambar 12: Bangunan kedai. (Kedai-kedai ini masih tutup kerana gambar ini diambil pada pukul 8.00 pagi dan kedai dibuka lebih lewat daripada waktu ini).

b. Surau

Hampir setiap kampung mempunyai surau yang sedang bersekolah. Mereka lima keluarga daripada responden yang tidak bersekolah begini sama ada kerana mereka mahu keluarga telah tamat sekolah atau kerana anak-anak masih lagi di peringkat bawah umur persekolahan.

Salah seorang anak yang bersekolah menengah dan rendah ialah 60 orang. Daripada jumlah itu 32 masih lagi di sekolah rendah dan 28 lagi sedang belajar di sekolah menengah.

24.60% daripada keluarga-keluarga ini mempunyai anak-anak yang menuntut di kelas-kelas peringkat persekolahan rendah dan menengah.

Gambar 13: Surau, Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail.

Taraf ini hanya bagi kategori yang sekolah dan tinggal bersama dengan keluarga di kawasan perumahan itu juga.

3.3 Pelajaran

a. Taraf Pelajaran Suami (Ketua Keluarga) dan Istri

43.33% daripada ketua keluarga yang ditemui adalah lepasan sekolah menengah sama ada dari aliran Inggeris juga Melayu. Ada di antara mereka yang enggan menjawab soalan ini. Sementara itu 13.33% daripada mereka pula hanya menyatakan mereka lulusan Sekolah Melayu. Dalam kontek ini tidak dapat diketahui sama ada mereka daripada kelas menengah atau setakat kelas rendah sahaja. Bagaimanapun 40% daripada mereka hanya tamat darjah rendah iaitu hingga setakat darjah 6 sahaja.

b. Taraf dan Pencapaian Pelajaran Anak-Anak⁷

1. Formal

Hampir setiap keluarga menampung anak yang sedang bersekolah. Hanya lima keluarga daripada responden yang tidak berbuat begitu sama ada kerana semua ahli keluarga telah tamat sekolah atau kerana anak-anak masih lagi di peringkat bawah umur persekolahan.

Jumlah kanak-kanak yang bersekolah menengah dan rendah ialah 60 orang. Daripada jumlah itu 32 masih lagi di sekolah rendah dan 28 lagi sedang belajar di sekolah menengah.

26.66% daripada keluarga-keluarga ini menanggung anak-anak yang meruntut di kedua-dua peringkat persekolahan rendah dan menengah.

⁷

Taraf ini hanya bagi kategori yang sekolah dan tinggal bersama dengan keluarga di kawasan perumahan itu juga.

Sementara itu 30% lagi anak-anak mereka hanya di sekolah rendah sahaja dan selebihnya sebanyak 26.66% hanya ke sekolah menengah sahaja.

Untuk mengetahui pencapaian anak-anak, pengkaji cuba membandingkan pencapaian semasa tinggal di kawasan perumahan ini dengan semasa berada di rumah yang paling akhir itu. Tetapi pengkaji merasa agak hampa kerana 36.66% daripada responden (sama ada isteri atau suami) tidak mampu mengingatkan tentang taraf pencapaian pelajaran anak-anak mereka.

Kedapatan juga yang teragak-agak semasa membincangkan tentang pelajaran anak-anak. Hal ini menunjukkan betapa mereka tidak begitu berat memikirkan tentang kebajikan serta halangan yang bersangkutan dengan pelajaran atau persekolahan anak-anak.

Sungguhpun begitu terdapat juga seramai 23.34% yang berpendapat pelajaran anak-anak mereka bertambah baik jika dibandingkan semasa belum berpindah ke kawasan perumahan ini. Dan jumlah yang sama juga berpendapat bahawa pencapaian mereka tetap sama.

ii. Tidak Formal (Taman Asuhan Kanak-Kanak)

Hanya 6 sahaja keluarga yang menghantar anak-anak mereka ke kelas bimbingan kanak-kanak ini - 5 daripada mereka menghantarnya ke kelas yang ditadbirkan oleh KEMAS. Kelas ini diadakan di bangunan kedai yang berada di kawasan perumahan itu juga. Bayaran yang dikenakan ialah \$4.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak.

Sementara itu sebuah keluarga lagi menghantar anaknya ke Taman

Asuhan Kanak-Kanak yang ditadbirkan oleh sebuah badan persendirian (private) yang terletak di pusat bandar Muar. Bayaran yang dikenakan ialah \$16.00.

c. Kesan Perpindahan Terhadap Pelajaran

Secara lahiriahnya kesemua ibu bapa berpendapat bahawa tempat tinggal mereka yang ada itu lebih selisa bagi anak-anak untuk mengkaji pelajaran. Tambahan pula keadaan hidup yang berkelompok itu membolehkan kanak-kanak sekolah ini senang untuk berkumpul dan berdiskusi.

Sekolah-sekolah yang baik juga terdapat di bandar yang hanya 2 batu daripada rumah mereka. Jelasnya, prospek pelajaran bagi anak-anak adalah cerah dan menggalakkan.

Ibu bapa hanya kurang bersetuju dengan keadaan kelas bimbingan kanak-kanak yang mana gurunya sering bertukar ganti. Bagi mereka pertukaran yang sering akan juga mengganggu emosi anak-anak yang mana terpaksa menyesuaikan diri pada berbagai peribadi/personaliti dan cara pengajaran yang berbeza dalam jangka waktu yang singkat. Misalnya ada seorang ibu yang terpaksa menunggu (menemani) anaknya di kelas itu setiap kali guru baru mengajar kerana kanak-kanak itu sukar untuk menyesuaikan dirinya.

3.4 Perhubungan Sosial Penduduk

1. Perhubungan Antara Jiran

Kehidupan tidak akan selisa jika perhubungan dengan jiran-jiran

tidak selaras dengan kemajuan fizikal yang lain. Walau pun masih terdapat kumpulan suri rumah yang duduk berbual di waktu-waktu petang di rumah jiran mereka, ada juga yang menolak untuk bercampur terlalu rapat dengan jiran. Dalam konteks ini hubungan antara jiran terpecah kepada dua iaitu yang bersikap 'formal' dan 'informal'.

Formal ini diertikan sebagai, mereka hanya bertegur bila bertembung secara kebetulan. Informal pula bila mereka 'rapat' dan biasa bergurau senda.

Pengkaji akan membandingkan perhubungan antara jiran di sini dengan perhubungan dengan jiran di tempat tinggal yang terakhir. 46.67% daripada mereka menyatakan bahawa mereka selalu bertandang ke rumah jiran-jiran berbanding dengan 43.34% semasa di tempat lama. Tujuan bertandang adalah pelbagai, seperti untuk kenduri, majlis perkahwinan dan juga seringkali hanya untuk menghabiskan waktu lapang di sebelah petang.

Sementara itu 40.00% pula menyatakan mereka jarang sekali bertandang berbanding dengan waktu dahulu sebanyak 33.33%. Lebih detail, di bawah ini ialah rajah menunjukkan kekerapan bertandang itu dan perbandingannya antara di kawasan perumahan ini dengan yang terbentuk di kawasan terakhir mereka tinggalkan.

Jadual 7

Kekerapan Bertandang Kerumah Jiran: Perbandingan
Sewaktu Tinggal di Tempat Kajian dengan Tempat
Sebelum Pindah

Kekerapan	Sekarang	%	Dahulu	%
Selalu	14	46.67	13	43.34
Jarang	12	40.00	10	33.33
Tidak Pernah	4	13.33	7	23.33
Jumlah	30	100%	30	100%

Konklusi yang dapat ditafsirkan ialah bahawa penduduk di kawasan perumahan ini lebih kerap bertandang dan peratusan yang tidak pernah bertandang kerumah jiran-jiran juga menurun sebanyak 10%. Ini menunjukkan jiran-jiran di sini lebih kerap berbual-bual dan saling bertandang antara satu dengan lain.

Walaupun bagaimanapun hampir kesemuanya masih enggan untuk mendapatkan jiran jika timbul apa-apa masalah kepada diri mereka terutamanya berkaitan dengan kewangan. Alasan yang diberikan ialah lebih baik untuk 'meminta' kepada saudara mara sendiri sedangkan jiran walaupun 'rapat' masih tidak mempunyai hubungan darah. Ada juga yang menyatakan ia seperti 'membuka pekang di dada' jika terpaksa meminta bantuan jiran dalam soal kewangan.

Sungguhpun begitu hampir 43.33% daripada mereka mempunyai saudara mara berdekatan dengan rumah mereka semasa sebelum pindah ke tempat

ini. Sementara itu hanya 33.33% sahaja yang kini mempunyai saudara mara yang juga tinggal di Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail ini.

Dalam pada itu ada juga timbul perasaan rendah diri di kalangan mereka. Misalannya ada seorang isteri (ibu) itu bila ditanya tentang seorang jirannya yang jaraknya beberapa pintu sahaja daripadanya telah menyatakan bahawa dia tidak bercampur dengan keluarga yang kemudian itu kerana mereka adalah golongan yang berada dan mempunyai 'lengkongan rakan-rakan/sahabat handai' yang tersendiri. Dia berpendapat bahawa keluarga orang yang berada itu sombong dan harus 'menegur/beri sapaan' terlebih dahulu dan bukan sebaliknya.

Ujud juga pertengkaran/persengkitaan kecil antara jiran. Misalnya yang terjadi antara dua orang guru yang tinggal bersebelahan dengan keluarga seorang jururawat. Mereka bermasam-muka kerana tiada rasa persefahaman berkenaan dengan keadaan air yang keluar di paip di bahagian 'meter' saluran air ke rumah mereka.*

Pada masa yang sama ujud juga perhubungan jiran-jiran yang rapat antara bangsa Melayu dan Cina. Contohnya antara sebuah rumah keluarga Melayu yang bertentangan bahagian dapur rumah mereka dengan sebuah keluarga Cina. Hubungan mereka yang rapat disimbolkan daripada kekerapan mereka bertukar-tukar juadah (makanan). Keluarga Cina itu sering memberi jirannya itu buah-buahan atau gula-gula. Sementara itu

* Saluran ke meter air kedua unit rumah bersebelahan itu adalah sama. Dari itu apabila guru itu membuka paip di meternya, maka air di meter jururawat itu akan berhenti.

jirannya akan memberinya kueh-kueh.

Penduduk di sini juga menjalin perhubungan yang stabil dengan penduduk di kawasan berek-berek JKR (Jabatan Kerjaraya) yang terletak bersebelahan dengan kawasan perumahan mereka.

ii. Perhubungan dengan saudara mara di dalam dan di luar kawasan

Kesemua responden dan keluarganya masih lagi mengadakan kontak secara langsung dengan saudara mara yang tinggal di tempat-tempat lain. Malahan ada yang meluangkan masa setiap hujung minggu untuk berkumpul di rumah datok atau nenek atau ibu bapa mereka di kampung asal. Kebanyakan daripada mereka berasal daripada kampung-kampung persekitaran itu juga. Lawatan yang paling jarang ialah yang dilakukan oleh keluarga pada setiap hari raya sahaja. Walau bagaimanapun bilangan ini kecil iaitu hanya lapan sahaja daripada 30 orang responden. Remai dari mereka iaitu 13 keluarga (43.33%) memastikan mereka pulang ke kampung sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ada juga yang pulang sebab didorong oleh masalah dan rasa tanggungjawab terhadap keluarga.

Perhubungan antara saudara yang sama-sama tinggal di kawasan perumahan ini walau bagaimanapun tidak seerat dengan persaudaraan di kampung asal kerana hanya 'bau-bau bacang' sahaja. Lahirlahnya perhubungan antara dengan jiran-jiran adalah lebih erat dan mesra.

111. Perhubungan dan pergaulan anak-anak

Kebanyakan ibu bapa tidak memberikan kebebasan yang penuh kepada anak-anak dalam menentukan sahabat untuk bermain ketika berada di rumah. Lebih daripada separuh responden mengatakan terpaksa menghadkan dan menentukannya kerana takut anak-anak akan terus leka/lalai terhadap waktu belajar dan terpengaruh dengan sahabat/rakan sebaya mereka. Tanggapan yang dipegang ialah bahawa anak-anak akan menjadi liar jika dibiarkan terus menerus bermain dengan rakan-rakan, lalu akan melupakan mereka pada buku-buku dan pelajaran.

Dari itu ibu-ibu membataskan kawasan permainan hanya dalam lengkungan pagar rumah mereka sahaja. Ataupun mereka menetapkan atau menentukan rakan-rakan yang patut digauli atau patut dijauhkan oleh anak-anak mereka.

Menurut mereka juga, mereka tidak begitu perlu mengongkong persahabatan dan pergaulan anak-anak semasa mereka tinggal di tempat sebelumnya. Yang mana tinggal di kawasan perkampungan, semua menyatakan, rumah-rumah mereka tidak berpagar. Malahan pagar tidak diperlukan kerana keadaan rumah yang rapat-rapat dan perhubungan dengan jiran yang erat. Mereka merasa bersaudara walaupun tiada pertalian darah, saling bantu membantu pada waktu-waktu diperlukan. Begitu juga bagi yang tinggal di berek. Kemesraan antara jiran adalah maksima. Ini disebabkan pekerjaan suami yang sama dan tidak ada apa yang boleh mereka rasakan lebih atau kurang daripada jiran-jiran yang lain.

Walaupun bagaimanapun, sikap ini tidak terdapat pada kesemua penduduk di sini. Malahan ada juga yang masih mengamalkan keramahan mereka. Mereka juga tidak begitu mengendahkan tentang perkembangan perubahan bentuk-bentuk rumah atau pagar jiran mereka. Terdapat juga jalinan jiran yang baik, dalam erti kata bertegur sapa dan bersebang-sembang di waktu petang. Tetapi tidaklah sebagaimana di kampung kerana kini telah mulai dibatasi oleh rasa atau persoalan seperti 'mungkin akan mengganggu jiran itu'. Dari itu mereka lebih teragak-agak bila hendak berkunjung ke rumah jiran.

Walaupun bagaimanapun, kawasan perumahan yang baru ini mampu melahirkan penghuni yang lebih sedar kepada kebersihan dan kesihatan. Keadaan rumah yang teratur kemas dan selisa, lengkap dengan sistem perparitan, memperlihatkan keadaan yang lebih bersih jika tidak dihalangi oleh sistem pembinaannya yang seperti sekadar melepaskan batuk di tangga. Pembinaan ala kadar ini menyebabkan pengaliran longkang yang tidak licin,

sehingga menimbulkan pencemaran udara kepada penghuninya. Dengan lain perkataan, sistem perparitan yang ada sesuai untuk keadaan rumah yang demikian tetapi biarlah ia dibina dengan sempurna dan mampu memenuhi tugasnya tanpa mendatangkan kesan sampingan yang buruk pula.

Kedudukan kawasan perumahan ini yang hampir kepada sumber-sumber kemudahan awam juga memberikan kesan yang tidak sedikit. Umpamanya kini mereka berpeluang ke pasar besar yang menawarkan ikan-ikan dan sayuran yang lebih segar dan banyak pula pilihannya pada harga yang lebih murah berbanding dengan sebelumnya, yang mana ada di antara mereka yang membeli sayuran daripada penjual runcit dengan pilihan yang amat terhad sekali. Hakikat ini diakui sendiri oleh seorang ketua keluarga yang berjawatan guru. Menurutny, sebelum berpindah ke kawasan perumahan ini, dia terpaksa berjimat tentang makanan kerana terpaksa membelanjakan wang yang lebih bagi keperluan rumahtangganya seperti sewa rumah, tambang bas anak-anak ke sekolah yang lebih mahal, begitu juga untuk minyak kereta yang lebih tinggi kosnya bila terpaksa berulang alik ke sekolah tempat dia mengajar.

Wang sampingan (simpanan) untuk seharian juga terpaksa ada kerana khuatir tentang hal-hal kecemasan, sedangkan rumah sakit atau lain-lain kemudahan adalah jauh daripada rumah. Tetapi setelah berpindah, banyak yang dapat diijimatkan. Misalnya pengurangan tambang bas sekolah anak-anak dan petrol konsumennya. Lebihan yang dinikmati kini disalurkan ke dalam simpanan bulanan dan membeli jenis-jenis makanan yang lebih baik dan bermutu.

Secara keseluruhannya, jelas kelihatan penduduk di Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail tidak mengalami masalah yang banyak tentang keadaan atau situasi rumah yang mereka beli. Beberapa masalah yang timbul masih mampu ditanggung dengan alasan sudah pernah mengalami keadaan yang lebih buruk di tempat-tempat lain sebelumnya. Kesimpulan yang dapat diambil ialah mereka ini berasal dari kawasan yang lebih terhad kemudahannya, dari itu apabila tinggal di kawasan yang lebih baik, walau ia masih lagi boleh diperbaiki, mereka sudah merasa cukup puas. Tambahan pula mereka adalah orang-orang yang masih mempunyai perasaan 'sopan' yang mendalam dengan itu sentiasa berfikir keadaan yang ada adalah memadai dan patut diterima sahaja dengan hati yang bersyukur dan tidak seharusnya banyak mengkritik.² Sikap ini tentu sahaja berbeza dengan orang-orang yang biasa tinggal di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur terutama yang penghuninya terdiri daripada golongan yang lebih tinggi pendidikannya. Mereka tidak akan ragu-ragu untuk menyatakan sesuatu hal yang tidak seharusnya berlaku dan rasa tidak puas hati terhadap keadaan rumah yang mereka terima dan beli dengan kadar bayaran yang biasanya lebih tinggi kerana dibina oleh pihak swasta yang sentiasa mencari untung. Mereka juga lebih mengetahui kemana arah yang harus dituju untuk menyatakan rasa tidak puas itu umpamanya pengaduan-pengaduan di akhbar.

Walaupun bagaimanapun, sikap 'sopan' kini semakin kurang dipraktikkan kerana sikap suka hidup sendiri (nafsu-nafsi) lebih menguasai setiap keluarga. Mereka amat kurang bergaul antara satu sama lain di kalangan jiran tetangga. Ini kerana tiada aktiviti sosial yang dapat mengikat mereka menjadi ahli-ahli persatuan yang harus ditadbir, diurus

² Misalnya yang terjadi dalam aspek pembentahan permohonan palsu. Utusan Malaysia, 27th May 1982.

dan dijalankan oleh mereka sendiri. Ketua keluarga cuma memikirkan tentang pekerjaan dan hal rumahtangga mereka sahaja. Kalau ada pun yang agak aktif adalah merupakan ketua kampung yang tidak resmi di situ juga ahli-ahli UMNO yang bergerak cergas dalam parti itu. Seperti di kampung lama yang lazim, ada institusi bergotong royong atau menyeraya* yang menjadi alat penghubung merapatkan hubungan antara penduduk sesebuah kampung tetapi di kawasan perumahan ini tiada lagi hal yang begitu walaupun sepatutnya ia lebih menggalakkan dengan keadaan rumah yang amat berhampiran antara satu dengan lain. Sebaliknya mereka lebih senang dengan cara memanggil kakitangan luar (atau mengupah sahaja) untuk menjalankan sesuatu pekerjaan, misalnya untuk memasak bila ada majlis perkahwinan. Jiran-jiran tidak lagi perlu untuk menyumbangkan apa-apa bentuk bantuan. Secara lahiriah ia sememangnya baik kerana tidak menyusahkan jiran tetapi tanpa disedari telah menghilangkan rasa persaudaraan dan ikatan yang lebih intim lagi, dan pada masa yang sama menggalakkan pertumbuhan individualistik agar lebih subur. Dan sesungguhnya kehidupan tanpa kemesraan maksima antara jiran sedemikian adalah asas penciptaan sebuah masyarakat yang kaku dan beku. Pada tahap yang begini di mana mereka masih ada lagi sikap dan sifat 'kesopanan' dalam beberapa segi walaupun telah menghilangkannya pada segi yang lain, tetapi tidak pada darjah yang sama seperti yang dialami di kawasan bandar besar, maka bolehlah kita kategorikannya sebagai berada di peringkat transisi antara pengkalan sikap kekampungan tipikal orang-orang Melayu kepada keadaan yang lebih moden dan kontemporari seperti yang dialami oleh kawasan urban

* Menyeraya adalah satu bentuk gotong-royong/berderma iaitu membuat sesuatu pekerjaan beramai-ramai. Contohnya, Hari Ahad, penduduk kampung mengerjakan sawah A, kemudian pada hari Isnin mereka mengerjakan sawah B pula dan seterusnya hingga kerja buat sawah selesai.

yang sedang progres dengan pesat dengan berteraskan ciri-ciri kehidupan barat dan sekular.

Sungguhpun begitu mereka ini masih lagi terus mengekalkan perhubungan yang erat dengan ahli-ahli keluarga yang berada di tempat lain misalnya kedua ibubapa atau adik beradik yang lain. Keluarga menjadi 'priority' sebagai tempat untuk meminta pertolongan dalam apa bentuk sekalipun. Perhubungan ini diidentifikasikan dengan lawatan-lawatan yang dilakukan oleh setiap ahli keluarga itu.

4.2 Cadangan kepada masalah

Senemangnya seperti kata Bayer G.H.,

'The planning of human shelter was a relatively simple matter in the days of the cavemen. Not so today, the complexity of our society and the tremendous advances in science, not only permit, but also require, man's shelter to be much more than protection against the elements. It must satisfy his economics, social and psychological needs as well.'³

Jelas kepada semua orang, sektor perumahan negara hanya membina rumah-rumah dalam berbagai bentuk dan kos untuk memenuhi aspek 'house as a shelter' sahaja. Mereka tidak memikirkan tentang aspek-aspek sosial bakal penghuni kawasan perumahan itu.

Bagi projek Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail ini, ia dapatlah

³ Bayer G.H., *Housing: A Factual Analysis*, The McMillan Comp. New York 1958, hal. The preface.

dianggap sebagai satu projek yang agak luas juga kerana **hingga kini** masih ada lagi fasa-fasa yang dalam pembinaan dan juga dalam perancangan. Pada masa beberapa tahun lagi sudah pasti segala kawasan-kawasan lapang di sekitar tempat kajian ini akan dipenuhi oleh rumah-rumah teres kos rendah ini. Sungguhpun begitu pesat perkembangan perumahan ini tetapi tiada satu pun yang memikirkan untuk membina masjid. Penduduk yang tinggal di kampung ini dan kawasan yang berhampiran terpaksa ke bandar untuk bersembahyang. Pada hal jumlah penduduk memadai/mencukupi untuk mendapat masjid mereka sendiri tambahan pula masjid di bandar sudah terlalu penuh. Peluang berkumpul di masjid dapat merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara penduduk di sini. Apateh lagi apabila hampir keseluruhan daripada mereka adolah beragama Islam.

Kerjasama dari pihak pemaaju dengan mendirikan masjid bukan hanya setakat surau yang kecil dan tidak kuat fungsinya, akan membantu perkembangan rohaniah yang sihat di kalangan ahli masyarakat kawasan perumahan moden yang sentiasa sibuk dengan pekerjaan pejabat dan urusan peribadi yang segalanya bersifat kebendaan. Seperti kata Nordin Selat;

'Masjid dan surau tempat kita sembahyang dari pagi hingga malam. Pagi kita sembahyang subuh. Malam kita sembahyang isyak. Cuba kita teliti betul-betul. Selepas kita sembahyang subuh kita mula bekerja. Kita bertolak membuat pekerjaan dari Tuhan. Bila kita habis kerja pada malamnya kita sembahyang isyak. Kita mengakhiri pekerjaan kita dengan Tuhan. Cara hidup yang begini ialah cara hidup yang kudus. Segala kelakuan dan tindak tanduk kita seharian akan didasarkan kepada nilai-nilai dan hakikat-hakikat Islam. Kebudayaan yang kita jalankan nanti semestinya kebudayaan Islam. Dan bila kebudayaan dan cara hidup kita dilandaskan semata-mata kepada Islam, masalah-masalah sosial yang diheboh-hebohkan pada hari ini dengan sendirinya akan

hilang. Bila kita sembahyang beramai-ramai kita merasa bersatu, kita merasa ada pegangan.⁴

Dan dengan cara ini sahaja akan dapat merapatkan penduduk ini dengan erti kata yang sebenarnya. Dengan itu juga mengelakkan pertumbuhan masyarakat yang pentingkan diri sendiri sahaja, individualistik dan materialistik.

Selain dari itu arkitek juga boleh menolong mengatasi masalah penduduk kawasan perumahan begini. Mereka haruslah mereka (cipta), reka bentuk yang boleh disesuaikan dengan keadaan hari ini di samping yang boleh menerima unsur-unsur masa akan datang yang mungkin berubah. Setiap aspek daripada reka bentuk harus diteliti dan Jabatan Perumahan Negeri dan Negara patutlah memilih atau meluluskan bentuk-bentuk yang punya daya kesesuaian, keselesaan dan ekonomik yang maksima. Antara aspek-aspek yang boleh dijadikan panduan ialah utilisasi ruang, karakteristik bilik, orientasi bilik, sirkulasi, cahaya dan ventilasi.

Golongan ini dapat menolong mengurangkan kadar suhu yang terperangkap dalam sesebuah rumah iaitu masalah panas yang dialami oleh hampir keseluruhan penduduk rumah-rumah teres. (Lihat Lampiran II). Masalah panas ini juga boleh dikurangkan dengan menanam banyak pohon-pohon yang besar yang berfungsi sebagai teduhan, di samping boleh mengurangkan kadar pencemaran udara hingga kepada kadar 40%. Yang nyata untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengurangkan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan kepada peningkatan suhu itu. Ia misalnya seperti

⁴ Nordin Selat, Remangan, Utusan Pub. & Dist. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1978, hal. 68-69.

material rumah yang digunakan, batu bata mempunyai 'high thermal capacity' juga kaca (cermin),⁵ pemasangan permaidani dan pelapik dinding dan juga penutupan ruang-ruang udara di atas sebab-sebab keselamatan,⁶ begitu juga pembinaan unit-unit rumah dan blok-blok bangunan yang rapat-rapat misalnya sebelum Perang Dunia II, enam buah rumah dibina pada tanah seluas satu ekar tetapi hari ini bilangannya meningkat sekali ganda. Dari itu tiada cukup ruang untuk pusingan udara baik di dalam maupun di luar rumah.

Sebagai penghuni dan anggota masyarakat sendiri, penduduk haruslah memainkan peranan yang lebih aktif untuk menghidupkan suasana kehidupan mereka agar tidak kaku dan beku sehari-hari. Mereka misalnya boleh membentuk ahli jawatankuasa Rekreasi Kampung. Ahli ini bolehlah memikirkan atau menaja berbagai upacara untuk kampung mereka. Antaranya yang dirasakan boleh menarik minat dan merapatkan hubungan ahli masyarakat ialah seperti tamasya kanak-kanak, pesta makanan dan seumpamanya.

Mereka juga boleh menubuhkan Biro Pengaduan mereka sendiri, dengan ahli jawatankuasa yang mereka lentik dari orang-orang yang dirasakan punya kewibawaan untuk menjalankannya dengan efektif. Penghuni kemudian bolehlah menyalurkan apa-apa pengaduan dari segala bentuk untuk diambil tindakan oleh Biro ini. Ini dirasa akan lebih berjaya kerana sesuatu pengaduan yang dilakukan secara perseorangan terutama yang melibatkan Jabatan atau Badan formal seperti Jabatan Perumahan, adalah kurang berkesan

⁵ Persatuan Arkitek Malaysia, (PAM), lebih galakan rumah-rumah papan dan kayu. Lagipun pengeluaran kayu balak negara meningkat 29.9 juta meter padu dan pengeluaran kayu gergaji kepada 6.5 juta meter padu.

Sumber: Laporan Ekonomi 82/83

⁶ Sunday Mail, 24 Oktober 1982.

kalau berbanding dengan yang dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa Kampung yang diiktiraf.

Secara keseluruhan, Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail ini mengalami masalah-masalah fizikal dan sosial sebagaimana yang dijangkakan dialami oleh penduduk-penduduk di dalam sesebuah projek atau kawasan perumahan walaupun pada darjah yang lebih kurang. Dari itu, matlamat asal adalah tidak berjaya kerana sungguhpun mempunyai pelan-pelan rumah contoh, ia masih mempunyai kelemahan yang harus pula ditanggung oleh penghuni-penghuninya.

Kesimpulannya, walaupun projek-projek perumahan begini dapat memberikan kesenangan perasaan kepada pemiliknya kerana memiliki rumah-rumah sendiri, menikmati cara dan taraf hidup yang lebih teratur dan sempurna tetapi juga melahirkan masyarakat yang menghapuskan nilai-nilai baik yang pernah mereka jalani semasa di kampung asal.

Bagi pihak pemaaju perumahan, sama ada pihak kerajaan maupun swasta, haruslah pula lebih berhati-hati dan bertanggungjawab semasa melancarkan satu-satu projek perumahan itu. Nestilah difikirkan bahawa perumahan bukanlah untuk memenuhi keperluan fizikal sahaja, malahan ada ciri-ciri sosiologikal dan psikologikal yang lebih penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat kerana ia menentukan bentuk, corak dan pola jenerasi akan datang, seperti kata Winston Churchill,

'.... we shape our buildings and then they shape us.'

⁷ Beyer G.H., *Housing and Society*, McMillan Comp., New York, 1967, hal. 280.

BIBLIOGRAFI

1. Annual Report (1974-75) of the Housing and Development Board of the Republic of Singapore.
2. Beyer, G.H. Housing and Society.
3. Carvey and Mapes, 1972, Study of social activity in New Housing estates in England.
4. Chander R. Keperluan Perumahan di Semenanjung Malaysia.
5. Department of Statics, Malaysia (1972), 1970 Population and Housing Census of Malaysia.
6. Department of Statistics Malaysia (1973): West Malaysia Census of Housing, 1970.
7. Dewan Bandaraya, Confirmation of City status on Kuala Lumpur.
8. Gibson D.S. Quality and Housing Needs in Peninsular Malaysia, Statistics Dept., 1973.
9. Goodman, et al. Low Cost Housing Technology. An East West Perspective.
10. Jabatan Perangkaan Kuala Lumpur. Keperluan Perumahan di Semenanjung Malaysia, (1970-1990).
11. Michelson W., Environmental Choice, Human Behavior and Residential Satisfaction. Oxford University Press, New York, 1977.
12. Middlebrook, P.N., Social Psychology and Modern Life, A.A Kno'pf, New York, 1974.
13. Dr. Nordin Salat. Renungan. Utusan Pub. & Dist. Sdn. Bhd., 1978.
14. Pryon, E.S., Housing in Hong Kong, Oxford University Press, London. (1973).
15. Tan S.H. & Hamzah Sendut, Public and Private Housing in Malaysia, 1979. Heinemann educational Books (Asia) Ltd.
16. Wegelin, E.A. Cost-Benefit Analysis of rehousing Squatters in the Klang Valley Area, Peninsular Malaysia, The Urban Development Authority, Kuala Lumpur. 1975.
17. Weldon, P. Weston, J. Tan. Department of Sociology, University of Singapore, Housing and Satisfaction with environment in Singapore. 1973.

- 1968.

● ENCIK AMRI BIN CHE BUSU dari No. 8893, Taman Maju, Jasin, Melaka ingin tahu mengapa pegawai Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) tidak menyalah terlebih dahulu rumah yang dibina oleh kontraktor sebelum diserahkan kepada pembeli.

Encik Amri memberitahu GERAK KILAT, dia membeli sebuah banglo di Taman Maju, Jasin dan mendapatkannya tidak memuaskan.

Katanya, mutu rumah rendah. Atap dan silingnya banyak yang bocor. Dindingnya banyak yang retak dan pecah-pecah. Plaster simen pula sangat rapuh dan mudah jatuh berderai kerana kekurangan simen. Lantai dan kaki limanya juga banyak yang pecah dan retak-retak.

Katanya, pihaknya telah membuat aduan demi aduan kepada pihak pemaaju dan PKNM. Malangnya, sampai ke hari ini, tiada sebarang tindakan dijalankan.

Encik Amri hairan mengapa PKNM sanggup menerima rumah demikian sedangkan mereka mempunyai pengurus projek, jurutera dan pegawai teknik yang bertauliah.

Beliau juga ingin tahu bagaimana PKNM meluluskan rumah yang tidak sempurna kepada pembeli rumah.

● MALAYMAIL 17/12/82
□ A DISGRUNTLED ABH complains that his new house has been plagued with numerous defects since he moved in. According to him, he has complained to the relevant authorities more than 10 times but all his efforts have been in vain.

Says ABH of Hulu Kelang: "The house was built by PKNS in December 1981. Initially, there were some defects like leaking roofs and hair-line cracks on the wall."

"As the problems cropped up within the six-month period stipulated for rectifying of defects, I wrote in to PKNS."

This was in late April. "Till June, I had not received any reply from the authority and was worried as the six-month period would end soon."

"However, even up till late July, when the guarantee period expired, nothing had been done, nor had any PKNS authority come to check on my complaints," says ABH.

"Up to now, there is still a delay in repairing the defects," he says.

"I am very unhappy over the matter. I have not breached any terms of the contract signed," says ABH.

ABH hopes the authorities can expedite their work on his house.

● BERITAHARIAN 1/11/82
● GELISAH dari Langkawi, Kedah, memberitahu, beliau menempah sebuah rumah di Taman Seri Jitra, Kedah, pada tahun 1977 dan wang tanda jadi telah pun dibayar kepada pemaaju berkenaan, Syarikat Alizaha Sdn. Bhd.

Katanya, pada tahun 1979, beliau telah membuat perjanjian dan mengikut perjanjian tersebut, pemaaju mestilah menyalahkan rumah berkenaan dalam bulan Jun 1981.

Malangnya, rumah tersebut hanya siap pada awal tahun 1982 dan pemberian alijil mendudukinya hanya dibuat pada bulan Ogos lalu.

Menurutnya lagi, rumah tersebut telah diduduki tetapi bumbungnya bocor di tiga bahagian.

"Saya pernah menulis surat kepada pemaaju berkenaan mengenai kerosakan rumah itu, tetapi hingga awal bulan Oktober, didapati keadaan masih tidak berubah," tegasnya lagi.

Gadaian

Jelasnya lagi, walaupun semua bayaran telah diselesaikan melalui peguam pemaaju perumahan berkenaan, rumah ini belum dibuat gadaian dan pindah miliknya kepada Perbadanan Malaysia.

○ IN these days of housing scarcity, many people will be happy even to own a small house.

But for Madam L.K.T., this is not the case after she discovered that neighbours can be quite a headache.

She wants to give up her double story PKNS house in Section 10, Shah Alam, because, she says, the occupants next door make a great deal of noise everyday and she finds it unbearable.

"Often, their friends come to the house to gamble and they make hell of a lot of noise," she says.

"When their friends arrive, they sound their car horns as loud as possible and this is a nuisance to my family.

"And when they talk, they do so at the top of their voices.

"I am very depressed and can't take care of my two children properly. Sometimes, I even take my anger out on them.

"The trouble is that my husband is not the type to tell the neighbours off and this is not helping to solve the problem.

"Now, I just want to move out of the house," she adds.

Her husband cannot sell the house yet because of conditions laid down when he bought it from PKNS.

"Can PKNS waive this condition and allow us to sell the house?"

"We are not doing it for speculative purposes.


"If we can't sell the house, can PKNS at least allow us to exchange it for another one somewhere else?" she asks.

LAMPIRAN II



SUNDAYMAIL

24/10/82

LAMPIRAN



SUN SHINING IN



ADVANTAGE OF PITCHED ROOF

Tajuk: Masalah Perumahan dan Sosial
di kawasan perumahan harga-rendah
Kampung Tun Dr. Ismail, Muar.

SOALIDIK

Responden no

I. LATAR ASAS

1. Status responden.

suami

isteri

janda/duda

anak

2. Bangsa.

Cina

Malayu

India

3. Umur: tahun.

4. Jumlah yang tinggal dalam rumah orang.

5. Bilangan isirumah yang bekerja

tidak bekerja

Bersekolah

Prasekolah

6. Pekerjaan responden

7. Pekerjaan dan pendapatan isirumah yang bekerja.

No	hbgn dgn responden	umur	pekerjaan	tetap/smnta	tempat krja	jarak	pgktn	pdptn

8. Sumber pendapatan lain.

sumber	jumlah	pdptn
tanah (ekar)		
biliksewa		

II. PERUMAHAN

1. Jenis rumah

rumah batu-teres

berek

rumah papan

sekarang dahulu

2. Tahun dibina.

--	--

3. Tahun mula didiami.

--	--

4. Status pemilikan

milik sendiri

kerajaan/najikan

Sewa

5. Kalau kepunyaan sendiri

a. Nama pemilik

suami

isteri

anak (kakak)

ibubapa kadang-kadang datang

b. Tarikh dibeli

c. Pemilik yang ke

1			
2			
3			

d. Penjual

Kerajaan negeri

syarikat, swasta

individu

e. Cara bayaran

wang sendiri

pinjaman

sekarang dahulu

Keterangan:

- f. Harga rumah pada jualan pertama
- g. Harga rumah dibeli
- h. Kadar pendahuluan
- i. Kadar bulanan
- j. Jumlah sudah dibayar
- k. Saiz rumah
- l. Saiz tapak rumah + halaman
(ekar)

6. Lain-lain hal berkenaan rumah.

PERKARA	SEKARANG	DAHULU	KOMEN LANJUT
Jumlah bilik			
Tandas: personal			
kongsi			
Lampu: letrik			
minyak			
Air: paip sendiri			
kongsi			
tepi jalan			
telaga			
Pengangkutan: Bas			
taxi			
sendiri			
Jauh ke (bt)			
tempat kerja			
pusat bandar			
pasar			
kuil/masjid			
penggungwayang			
kelinik			

hospital			
talipun awam			
padang permainan			

7. Terdapatkah gangguan serangga.

tikus

lipas

semut

nyamuk

8. Pemeriksaan/nasihat pegawai kesihatan.

ada

tiada

9. Sampah sarap.

hapuskan sendiri

Majlis Bandaran

10. Adakah ia mengganggu kebersihan udara.

ya

tidak

11. Kebersihan longkang dan parit.

bersih

kotor

berbau

tersekat

12. Kebisingan.

bising

tidak

Kalau bising, nyatakan punca-puncanya,

III. PELAJARAN

1. Sekarang

No	Hbgn	Umur	Pengantar Sek		Pencapai	Jarak	Pngr	Timbg	Yuran
			Rndh	Men.					

Dahulu

2. Bagi anda pelajaran anak-anak sekarang,

bertambah baik

sama

merosot

Alasan _____

IV. SOSIAL

1. Seringkah anda berbual-bual atau bertandang ke rumah jiran-jiran?

selalu

jarang

tidak pernah

2. Waktu bertandang _____

3. Kalau ada masalah eg. kewangan, mungkinkah akan berjumpa jiran anda?

ya

tidak

Alasan _____

4. Adakah percaya untuk meninggalkan anak kecil anda pada jiran misalnya untuk ke pasar sebentar?

ya

tidak

Alasan _____

5. Pernahkah meninggalkan pesanan pada jiran jika anda hendak bercuti atau meninggalkan rumah beberapa lama.

ya

tidak

Alasan _____

6. Adakah anda mempunyai hubungan persaudaraan dengan jiran atau penduduk kampung ini?

ada

tidak ada

7. Adakah anda benarkan anak-anak bergaul bebas dengan anak-anak jiran atau membataskannya?

ya, bebas

terbatas

Alasan _____

8. Kelakuan keseluruhan anak-anak di kawasan perumahan ini?

baik

terkawal

nakal

liar

9. Pernahkah terjadi kejafian jenayah seperti kecurian atau pecah rumah?

pernah

tidak

10. Adakah melibatkan belia kawasan ini?

ya

tidak

11. Jenis-jenis kegiatan belia yang terdapat.

12. Masihkah berhubung dengan saudara mara di tempat lama?

Ya

tidak

13. Jenis-jenis kontek.

lawatan yang kerap

lawatan sekali-sekala

surat

lain-lain

14. Kekelaparan lawatan ke kampung asal.

tiap cuti am eg. Hari Raya

setiap bulan

jika ada masalah

tidak pulang langsung

Alasan _____

15. Bagaimanakah keadaan hidup dan perasaan sejak tinggal di kawasan ini?

lebih maju

aman

risau

tidak tenang

bosan

Alasan _____

16. Kebaikan tinggal/menetap di sini?

17. Keburukan tinggal/menetap di sini?

18. Cadangan anda untuk memperbaiki keadaan kawasan perumahan ini.

